

TERHAD

**PANDUAN PILIHAN RAYA KAMPUS (PRK) BAGI  
PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
(PMPP)  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**BAHAGIAN I**

**NOTIS MENGENAI PEMILIHAN**

**Pembubaran MPP**

1.(a) Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor (HEP) akan mengeluarkan Notis Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar. Pembubaran adalah merujuk kepada Seksyen 57 (5) Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, adalah membubarkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP sesi sebelumnya.

Naib Canselor boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melanjutkan tempoh pelantikan MPP sedia ada untuk menjalankan tugas sementara (*Caretaker*) sehingga MPP baharu dilantik.

**Writ Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar**

2. (a) Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UMP bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) hendaklah menyiarkan suatu writ Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar mengenai **Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar** (PMPP) di **E-Community** rasmi Universiti.

- (b) Writ ini hendaklah menyatakan
  - i) Tarikh dan masa penamaan calon
  - ii) Tarikh dan masa pengundian
  - iii) Tempoh bantahan dan rayuan dan
  - iv) Apa-apa perkara yang berkaitan PMPP
  
- (c) Pelajar yang ingin menjadi calon dalam PMPP, perlu mengambil ingatan tentang tarikh, tempat dan masa penamaan.

## **BAHAGIAN II**

### **PENAMAAN CALON**

#### **Kelayakan Calon**

1. Pelajar yang layak menjadi calon ialah pelajar berdaftar di Universiti dan telah menduduki peperiksaan yang pertama dan tidak pernah diambil tindakan tatatertib adalah layak dipilih sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar.
2. Pelajar tidak layak menjadi calon sekiranya tergolong mana-mana satu atau lebih dari kategori di bawah ini:
  - (a) Pelajar yang belum lagi menduduki peperiksaan yang pertama di Universiti bagi program pengajian yang diikutinya.
  - (b) Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan yang baru lalu bagi program pengajian yang diikutinya.
  - (c) Pelajar yang telah gagal dalam peperiksaan yang baru lalu bagi program pengajian yang diikutinya (KGDS).
  - (d) Pelajar yang prosiding tatatertib terhadapnya masih belum selesai melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
  - (e) Pelajar yang didapati bersalah atas kesalahan tatatertib melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.
  - (f) Pelajar yang berhutang melainkan mendapat kelulusan secara bertulis dari Pengerusi Jawatan Kuasa Induk.
  - (g) Pelajar yang baki tempoh tamat pengajiannya kurang dari setahun (tidak termasuk latihan industri).
3. Setiap calon tidak dibenarkan bertanding di kedua-dua kerusi dan dikehendaki memilih satu kerusi sahaja, sama ada Kerusi Umum atau Kerusi Badan Pelajar Fakulti.
4. Apa-apa kekeliruan berkenaan senarai pelajar berstatus aktif boleh dirujuk kepada bahagian yang bertanggungjawab dalam Hal Ehwal Akademik Universiti untuk pengesahan status pelajar.
5. Mana-mana calon yang bertanding dalam MPP boleh bertanding atas kapasiti individu atau kumpulan.
6. Bagi Kerusi Badan Pelajar Fakulti / Pusat, calon hendaklah seorang pelajar berdaftar di Fakulti / Pusat berkenaan.
7. Bagi Kerusi Umum, calon hendaklah seorang pelajar yang berdaftar di Universiti.
8. Bagi menjamin keberkesanan fungsi MPP, pelajar sepenuh masa sahaja yang layak

menjadi calon.

9. Seseorang calon tidak boleh menjadi Pencadang Calon atau Penyokong Pencadangan Calon kepada mana-mana calon yang lain.

#### **Pendaftaran Calon (Secara atas talian)**

10. (a) Calon adalah diingatkan bahawa Pendaftaran Calon (secara atas talian) adalah satu dokumen yang sangat penting. Perhatian hendaklah diberikan apabila mengisi pendaftaran tersebut kerana Pendaftaran Calon yang mengandungi butir-butir tidak tepat atau kurang sempurna atau menyalahi undang-undang dan peraturan dalam Panduan dan Peraturan peraturan Universiti Malaysia Pahang (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2014 boleh menyebabkan sesuatu percalonan itu dibatalkan oleh Pengerus Jawatan Kuasa Induk.
- (b) Pemalsuan maklumat dalam Pendaftaran Calon boleh menyebabkan Pendaftaran Calon terbatal dan boleh diambil tindakan tatatertib.
- (c) Permohonan Penamaan Calon hendaklah secara atas talian melalui capaian ***E-Community Student-Election***.
- (d) Slip pengesahan permohonan penamaan calon MESTILAH dicetak dan diserahkan kepada **Jawatankuasa Induk PMPP** pada mana-mana tarikh yang ditetapkan di dalam writ.

### **Kelulusan Pencalonan**

11. Kelulusan pengesahan calon hendaklah disahkan oleh pegawai universiti yang dilantik oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP :-

- (a) Bagi calon Kerusi Umum – Dekan Pembangunan Pelajar.
- (b) Bagi calon Kerusi Fakulti / Pusat – Dekan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Dekan Fakulti / Pusat Berkenaan.

### **Pusat-Pusat Penamaan**

12. Pusat Penamaan Calon adalah ditentukan dalam notis yang dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk PMPP bagi Pemilihan MPP. Calon dikehendaki mengambil peringatan tempat penamaan itu kerana ia mungkin akan berlaku pindaan tempat di mana siaran tentangnya akan dikeluarkan sendiri oleh Urusetia Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

### **Penamaan Calon**

- 13. (a) Semua pencalonan penamaan sebagai calon untuk PMPP bagi Pemilihan MPP Kerusi Umum dan Kerusi Fakulti / Pusat hendaklah mengisi Borang Secara Atas Talian.
- (b) Borang Pendaftaran Calon diisi melalui ***E-Community Student-Election***.
- (c) Pada Hari Penamaan Calon, pengesahan calon akan diumumkan secara atas talian ***E-Community*** dan dipamerkan di papan kenyataan (*i-board*) hadapan JHEPA, selepas selesai sesi penamaan calon.

### **Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon**

- 14. (a) Mana-mana pelajar berdaftar Universiti dan berstatus aktif boleh menjadi Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon.
- (b) Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon bagi Kerusi Fakulti / Pusat hendaklah terdiri daripada pelajar berdaftar di Fakulti / Pusat berkenaan dan berstatus aktif sahaja.
- (c) Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon bagi Kerusi Umum terbuka kepada semua pelajar berdaftar di Universiti yang berstatus aktif.
- (d) Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon bagi mana-mana calon tidak dibenarkan menjadi Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon lain.
- (e) Nama, nombor pendaftaran pelajar/nombor matrik dan tahun pengajian setiap Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon hendaklah ditulis dalam borang atas talian dengan tepat. Sebarang kesilapan di dalam mengisi butir-butir akan menyebabkan kertas penamaan ditolak.

### **Kad Pendaftaran Pelajar/Matrik**

15. Kad Pendaftaran Pelajar/Matrik akan disemak oleh Jawatankuasa Pelaksana PMPP atau wakilnya untuk menentukan pengenalan seseorang calon. Sekiranya seseorang calon, kerana sesuatu sebab tidak mempunyai Kad Pendaftaran Pelajar/Matrik yang sah, beliau bolehlah menggunakan sebarang dokumen yang membuktikan bahawa beliau adalah mahasiswa Universiti. Keadaan yang sama juga dikenakan kepada semua Pencadang dan Penyokong.

### **Penarikan Diri Oleh Calon**

16. Seseorang calon boleh menarik diri daripada PMPP pada bila-bila masa dengan menyerahkan borang penarikan diri kepada JK Pelaksana PMPP sebelum senarai muktamad calon yang layak bertanding diumumkan. Borang yang diserahkan kepada JK Pelaksana PMPP selepas pengumuman akhir calon layak bertanding tidak akan diterima.

### **Bantahan**

17. (a) Bantahan boleh dibuat oleh calon-calon lain dan mana-mana pelajar berdaftar secara bertulis kepada Pengerusi JK Induk PMPP atau mana-mana pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh JK Induk PMPP semasa dalam tempoh yang dinyatakan di dalam writ.
- (b) Bantahan terhadap sesuatu pencalonan boleh dibuat berdasarkan alasan berikut mengikut Peraturan Universiti Malaysia Pahang (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2014 :
- i) Seseorang calon itu tidak layak untuk dipilih menjadi ahli MPP :
  - ii) Seseorang calon mengemukakan maklumat palsu dalam borang penamaan calon.
  - iii) Borang penamaan calon tidak mematuhi mana-mana peruntukan peraturan .

- (c) Setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP melalui Jabatan Bendahari UMP.
- (d) Pengerusi Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP atau mana-mana pegawai Universiti yang diberi kuasa oleh Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah pada hari penamaan calon tersebut membuat keputusan mengenai keesahan setiap bantahan dan memberitahu calon dan pelajar yang mengemukakan bantahan itu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.
- (e) Jika sesuatu bantahan diputuskan sah oleh Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP, pencalonan calon yang berkenaan hendaklah ditolak dan wang yang dibayar di bawah subperaturan (c) akan dikembalikan.

### **Pengumuman Calon**

18. Pengerusi Jawatan Kuasa Induk atau wakil pelajar yang dilantik dalam Jawatankuasa Induk akan mengumumkan calon yang layak bertanding selepas proses penamaan calon.

### **BAHAGIAN III**

#### **PENCALONAN TANPA BERTANDING DAN PENCALONAN YANG DIPERTANDINGKAN**

##### **Pencalonan Tanpa Bertanding**

1. Jika pada hari penamaan dalam mana-mana kerusi Pemilihan MPP selepas didapati jumlah calon sah tidak melebihi bilangan kerusi atau kurang bagi kerusi pemilihan tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP atau wakilnya hendaklah dengan serta-merta mengisytiharkan calon sebagai menang tanpa bertanding.

##### **Pencalonan Yang Dipertandingkan**

2. Jika pada hari penamaan dan mana-mana kawasan Pemilihan MPP bagi pemilihan MPP selepas didapati bilangan calon lebih daripada bilangan kerusi bagi kawasan pemilihan tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP atau wakilnya hendaklah dengan serta-merta mengisytiharkan bahawa suatu pengundian akan dijalankan mengikut panduan ini.

## BAHAGIAN V

### PERATURAN BERKEMPEN

1. Sebagai mematuhi Perintah-perintah Universiti Malaysia Pahang (Kolej Kediaman Pelajar) 2005, Perkara 25 (Penggunaan ruang selepas jam 12.00 malam) dan Perkara 33, Bahagian 3 Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar) 2003 (Tidak boleh berada di luar asrama selepas jam 12.00 malam) haruslah dipatuhi.

#### Tempat-tempat yang dibenarkan berkempen :

2. Seluruh kawasan di dalam kampus Universiti Malaysia Pahang (kampus Gambang/Pekan) kecuali :
  - i. Semua pejabat pentadbiran universiti
  - ii. Perpustakaan UMP
  - iii. Masjid dan Surau UMP (termasuk halamannya)
  - iv. Rumah Staf
  - v. Pusat Kesihatan Universiti
  - vi. Luar kawasan kampus UMP kecuali dengan kebenaran pihak Berkuasa
  - vii. Tempat yang diisytiharkan sebagai Pusat Pengundian dan sekitarnya
  - viii. Bilik/Dewan Kuliah semasa pembelajaran kecuali dengan kebenaran pensyarah semasa
3. Bahan kempen di dalam bentuk poster tidak boleh ditampal/dipamer & digantung di kawasan di dalam bilik kuliah.

#### Penggunaan pembesar suara dan sepanduk :

5. Calon boleh menggunakan pembesar suara untuk berkempen pada waktu dan tempat yang sesuai seperti yang dinyatakan di atas.
6. Semua penggunaan pembesar suara hendaklah dihentikan mulai jam **11.59 malam** setiap hari kempen hingga **jam 8.00 pagi**.
7. Calon-calun hendaklah menghormati **waktu solat dan azan** dengan menghentikan penggunaan pembesar suara ketika waktu yang dinyatakan.
8. Calon boleh menggunakan sepanduk sepanjang aktiviti kempen dengan simbol/logo yang didaftarkan semasa penamaan calon.
9. Semua moto ataupun tajuk manifesto calon hendaklah terang dan jelas tanpa mewujudkan persamaan dengan sensitiviti agama, politik partisan dan perkauman, lebih-lebih lagi kelucahan melalui mana-mana kaedah samada secara atas talian, percetakan, pengucapan, perbuatan dan peranti telekomunikasi (sms, whatsaps atau mms) serta media social (facebook, instagram dan lain-lain).

#### Gaya Pakaian :

11. Calon-calun hendaklah mematuhi Perintah-perintah Universiti Malaysia Pahang (Tatacara Berpakaian, Rupa Diri dan Pergaulan Pelajar-pelajar) 2005.

12. Penampilan calon lelaki hendaklah kemas, berseluar panjang (slack) dan berkasut.
13. Calon wanita dilarang berpakaian jarang, ketat, berbaju tanpa lengan, berbaju potongan dada terbuka, berskirt/berseluar pendek atau singkat dengan menampakkan bahagian punggung atau pusat.
14. Calon lelaki dilarang bertindik, manakala calon wanita dilarang bertindik pada tempat selain bawah cuping telinga.
15. Pemakaian niqab tidak dibenarkan.

**Pengucapan Awam :**

16. Calon-calon disarankan agar membuat kajian awal dan perbincangan terlebih dahulu dengan mana-mana Pusat Tanggungjawab UMP terhadap isu-isu yang akan diutarakan bagi mengelakkan penyebaran informasi salah atau menyentuh Akta Rahsia Rasmi Kerajaan.
17. Ucapan calon hendaklah bersifat mewakili diri sendiri atau kumpulan tanpa memasukkan unsur sensitiviti agama, politik partisan, perkauman mahupun keluahan.
18. Penggunaan bahasa rasmi negara adalah **WAJIB**. Calon boleh menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dengan keizinan Pengacara Majlis.

**Umum :**

19. Calon boleh melantik maksimum dua orang sama ada penyokong atau jurucakap sebagai memperkenalkan diri calon. Penggunaan bahan berkempen mestilah tidak membahayakan & tidak mengganggu pihak-pihak lain.
20. Semua sepanduk, poster, *handbill* dan apa-apa jua bahan berkempen hendaklah ditanggalkan dan dibersihkan dalam tempoh 3 hari selepas hari pembuangan undi.
21. Kegagalan menurunkan semua bahan kempen pada tarikh yang dinyatakan, pihak JHEPA berhak untuk mengeluarkan kompaun kepada calon.
22. Calon, pencadang atau penyokong **boleh** berkempen dalam bilik kuliah untuk tempoh tidak melebihi sepuluh (10) minit dengan kelulusan Pensyarah semasa.
23. Calon, pencadang atau penyokong boleh berkempen di luar kawasan Universiti tertaluk kepada syarat dan kelulusan pihak berkuasa tempatan.
24. Selain daripada peraturan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UMP dan peraturan-peraturan UMP, calon, pencadang atau penyokong juga adalah tertaluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan tatacara pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

**Perlanggaran panduan semasa berkempen :**

25. Sebarang ucapan yang menyentuh peribadi orang perseorangan atau kumpulan, menghasut untuk melakukan keganasan dan kerosakan baik pada diri mahupun pada harta benda dan isu-isu seperti perkauman serta agama adalah dilarang;
26. Sebarang paksaan, ugutan dan deraan dalam apa jua bentuk terhadap orang perseorangan sama ada secara fizikal atau mental adalah dilarang; dan
27. Calon, pencadang dan penyokong berkempen dan mana-mana pelajar tidak dibenarkan memberi sebarang hadiah, cenderamata, makanan bagi tujuan meraih undi.

Perlanggaran panduan kempen ini boleh menyebabkan calon tidak dibenarkan berkempen oleh Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP UMP.

## BAHAGIAN IV

### MENGUNDI

#### Simulasi Pengundian

1. Calon, penyokong dan pencadang adalah **perlu** untuk mengikuti sesi simulasi pengundian sebelum hari pembuangan undi.
2. Taklimat tatacara pengundian atas talian kepada calon, penyokong dan pencadang akan diadakan semasa sesi simulasi pengundian.

#### Pengundian PMPP

3. Tiap-tiap pengundi akan mengundi secara e-voting. Pengundi wajib memilih 16 kerusi (14 Kerusi Umum dan 2 Kerusi Fakulti/Pusat). Pengundian yang tidak mengikut ketetapan di atas akan ditolak (reject) oleh sistem. Pengundian yang akan dikira ialah apabila pengundi melengkapkan syarat di atas dengan menekan butang "VOTE".
4. Semua pengundi boleh mengundi di tempat-tempat yang dikhaskan sahaja. Disediakan tiga Pusat Mengundi iaitu Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang, Pusat Aktiviti Pelajar Aras 1 dan Dewan Peperiksaan Mekanikal (DPM) Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif , UMP Kampus Pekan mulai jam **0900 pagi hingga 0500 petang** pada hari mengundi.

#### Pengiraan Undi

5. Pengerusi dan ahli JK Audit Pemilihan MPP dan terdiri daripada empat orang wakil pelajar yang dilantik oleh Naib Canselor.
6. Pengiraan jumlah undi akan diadakan selepas JK Audit Pemilihan MPP selesai membuat semakan ditempat pengundian. Calon, penyokong atau pencadang dikehendaki hadir semasa pengiraan dijalankan.
7. Bantahan terhadap proses mengundi dan pengiraan undi hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Ketua Pusat Pengundian atau mana-mana Pegawai Pusat Pengundian selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi atau selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan dan tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Induk PMPP.

**BAHAGIAN VI**  
**PEMBENTUKAN KABINET**

**Pengisytiharan**

1. (a) Mana-mana pelajar Universiti yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP akan mengisytiharkan calon yang berjaya di dalam pemilihan MPP.
- (b) Pengisytiharan hendaklah dibuat secara atas talian (E-community) dalam tempoh dua puluh empat jam, selepas keputusan terhadap bantahan atau rayuan Pemilihan MPP.

**Pemegang-Pemegang Jawatan MPP**

2. Calon yang berjaya di dalam PMPP adalah membentuk MPP dan hendaklah memilih sesama mereka -
  - (a) seorang Yang Dipertua;
  - (b) seorang Naib Yang Dipertua;
  - (c) seorang Setiausaha;
  - (d) seorang Bendahari; dan
  - (e) pemegang bagi jawatan lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

## BAHAGIAN VII

### RAYUAN DAN PERTIKAIAN

#### Rayuan dan Pertikaian

1. (a) Sebarang pertikaian dan rayuan terhadap proses pemilihan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Rayuan yang dilantik oleh Naib Canselor.
- (b) Sebarang rayuan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan hendaklah;
  - i) Dikemukakan oleh calon, pencadang atau penyokong atau pengundi yang berdaftar sahaja.
  - ii) Dikemukakan dalam bentuk bertulis.
  - iii) Setiap rayuan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatan Kuasa Induk Pemilihan MPP dan hendaklah dibayar kepada Bendahari UMP.
  - iv) Jawatan Kuasa Rayuan Pemilihan MPP hendaklah memaklumkan keputusan rayuan dalam tempoh empat puluh lapan jam (48 jam) selepas tamat tempoh rayuan, membuat keputusan mengenai rayuan itu dan hendaklah memaklumkan kepada perayu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.

## **BAHAGIAN VIII**

### **AM**

#### **Am**

1. Maklumat-maklumat lain mengenai pemilihan ini akan dipaparkan dari semasa ke semasa secara atas talian melalui E-Community. Maklumat tersebut dikira sebahagian daripada panduan PMPP ini.

#### **Kesahan Perbuatan Di Dalam Ketidakhadiran Calon, dsb**

2. Tiada sesuatu perbuatan yang dilakukan atau keputusan yang diambil di bawah panduan ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau diambil semasa ketidakhadiran Calon, Pencadang atau Penyokong jika perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau diambil dengan suci hati.

#### **Pindaan Panduan**

3. Jawatankuasa Indukerhak meminda mana-mana Peruntukan panduan ini.

#### **Pengawasan Keselamatan**

4. Pemantauan dan pengawasan keselamatan perjalanan keseluruhan PMPP hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai hal ehwal keselamatan Universiti.

#### **Tindakan Tatatertib**

Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan peraturan Universiti Malaysia Pahang (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2014 boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar) 2009.

Panduan Ini Diluluskan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Bil. 1/2019 dan Berkuatkuasa pada 28 Oktober 2019